

SALWANI MD ZAIN salwani@sinarharian.com.my Foto: Ihsan Dr Mohd Johari

Nama Profesor Datuk Dr Ariff Osman, 56, mungkin tidak sepopular sebilangan pakar motivasi atau ahli akademik lain di media tetapi menjadi sebutan ramai atas keperibadian dan sumbangan beliau dalam dunia pendidikan, perubatan dan aktivis di tanah air.

Anak kelahiran Singapura ini bertugas sebagai Pakar Perunding Anestesiologi di Kulliyah Perubatan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Beliau juga merupakan Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Koordinator Tahun 5 *Islamic Input in Medical Programme* untuk pengembangan profesionalisme dan kepemimpinan mahasiswa perubatan.

Menyentuh latar belakang diri, beliau mendapat pendidikan awal di Jubilee Primary School, Singapura (1967). Apabila bapa Dr Ariff, Osman Nara, 81, tamat kontrak perkhidmatan sebagai anggota tentera British Army pada 1968, keluarganya berpindah ke kampung halaman di Kampung Sungai Badak, Jerantut Pahang. Beliau kemudian memasuki darjah dua di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Inggeris, Jerantut.

"Perpindahan dari kota Singapura yang serba moden kepada kehidupan kampung yang berhadapan kekurangan menjadi fasa baru bagi kami sekeluarga. Tiada lagi api elektrik, air paip, peti sejuk, televisyen dan sebagainya.

"Berkawal duit simpanan, ayah membina sebuah rumah kayu di atas seekor tanah yang dibelinya sewaktu berkhidmat di dalam tentera. Ayah dan ibu, Hasmah Shafie, 75, mendidik kami dalam kemahiran kelangsungan hidup seperti menanam pelbagai sayuran, memelihara ayam dan itik serta memancing ikan di sungai berdekatan.

"Tidak ada lagi istilah ke pasar buat kami. Segala sayuran perlu di tanam sendiri. Kehidupan kami adik-beradik penuh dengan kegembiraan biarpun tidak mewah. Ayah dan ibu tegas mendisiplinkan kami di dalam hal ilmu dunia dan akhirat, di samping mengajar kami membaca al-Quran tanpa sehari pun ditinggalkan."

Dr Ariff mengakui berkat disiplin dan keprihatinan kedua orang tuanya dalam

Dr Ariff, inspirasi siswa perubatan



pencapaian akademik, beliau diterima masuk ke Sekolah Menengah Sains Pahang (kini dikenali Sekolah Menengah Sains Sultan Haji Ahmad Shah) sebagai angkatan pelajar perintis pada 1973. Beliau kemudian menyambung pengajian di Pusat Asasi Sains Universiti Malaya selepas tingkatan 5, seterusnya memperoleh ijazah perubatan di UM pada 1985.

"Sewaktu di kampus, penglibatan saya di dalam aktiviti mahasiswa sangat terhad disebabkan kesibukan kursus perubatan. Lagipun, menumpukan matlamat untuk lulus menjadi doktor agar dapat membantu keluarga adalah perkara yang paling saya utamakan sebagai pelajar.

"Saya merupakan orang pertama menjejakkan kaki ke universiti di dalam keluarga dan juga di Felda Jengka 15, di mana kami berpindah sewaktu usia saya 14 tahun. Kenduri kesyukuran yang dihadiri ramai peneroka di situ menjadi pembakar semangat kepada saya kerana ramai orang yang mengharapkan saya untuk berjaya," ujar beliau.

DUNIA PENDIDIKAN

Di zaman kampus, Dr Ariff menjadi Presiden Persatuan Siswa Siswi Islam Perubatan UM, yang menggerakkan persatuan menjadi lebih aktif dan juga Timbalan Presiden Asrama Klinikal. Beliau memastikan penglibatan aktiviti kokurikulum tidak akan menjejaskan prestasi akademik. Kebanyakan aktiviti belajar, bersukan dan menjalani ibadah, beliau bersama rakan *study group*.

Berpegang pada prinsip Alif, Ba, Ta, jadikan motivasi



Dr Ariff (dua, kanan) bersama yang lain selepas majlis Angkat Sumpah Seorang Doktor.

Kerjaya beliau bermula sebagai doktor siswazah di Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) pada 1985.

Setahun kemudian beliau berpindah ke Hospital Besar Kuantan (kini Hospital Tengku Ampuan Afzan) sebagai Pegawai Perubatan di Jabatan Anestesiologi sehingga 1988.

Setelah itu memperoleh Sarjana Perubatan Anestesiologi di UKM pada 1992, Dr Ariff menjadi Pakar Klinikal Anestesiologi, Hospital Kuala Lumpur setahun. Beliau kemudian meletakkan jawatan daripada Kementerian Kesihatan dan menyertai **Fakulti Perubatan UKM** pada 1993, seterusnya menyertai Kulliyah of Medicine (KOM) pada 1997.

"Di sinilah bermulanya kerjaya saya sebagai pendidik. Bidang ini membolehkan saya berbakti dengan lebih bermakna demi kebaikan Alif, Ba dan Ta yakni agama, bangsa dan tanah air. Prinsip inilah yang menjadi motivasi untuk saya mendekati mahasiswa.

"Saya mahu membantu dan mendidik siswa perubatan menjadi doktor yang mempunyai profesionalisme yang tinggi dan berakhlak mulia. Saya selalu berkongsi pengalaman, memberi motivasi dan tip untuk menguasai ilmu perubatan.

"Sewaktu menjadi Pengetua Asrama dan Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar, saya mengasah bakat kepimpinan pelajar dan memupuk semangat kesukarelawan," ujar pengasas Tabung Penyayang ini dalam membantu mereka yang bermasalah kewangan.

Dr Ariff yang menggelar mahasiswa sebagai *My dear future doctors* mudah didekati pelajar melalui telefon mahupun media sosial sering mendapat penghargaan sewaktu acara *Annual Graduation Dinner* seperti, *The Most Fatherly Figure*, dan *The Most Popular Lecturer*.

yang baik. Pupuk sikap *First Thing First* - bagi mahasiswa perubatan tentunya untuk menjadi *Safe Doctor* dan *A good Muslim Doctor*; Sentiasa berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk menjadi hamba ALLAH yang bertakwa; Mengamalkan sifat Rasulullah dalam usaha menjadi *Safe Doctor* iaitu *siddiq* (benar di dalam percakapan, penulisan dan sebagainya), *amanah* (dengan mengungguli sifat profesionalisme), *tabligh* (menyampaikan maklumat dalam hal pengubatan dan pencegahan penyakit) dan *fathonah* atau bijaksana (di dalam merawat dan mendidik pesakit).

BIODATA

Nama: Profesor Datuk Dr Ariff Osman, DIMP

Umur: 56 tahun

Nama isteri: Datuk Dr Zainun A Rahman

Bilangan anak: 4 anak

Pendidikan

- Ijazah Perubatan UM, 1980-1985; Sarjana Perubatan (Anestesiologi) di UKM, 1988-92

Pekerjaan

- Pakar Perunding Anestesiologi di Kulliyah of Medicine, International Islamic University Malaysia
- Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Koordinator Islamic Input in Medical Program (IIMP), (2003-2007 dan 2012 sehingga sekarang)
- Pengetua Asrama, 2002-2003
- Pensyarah di Fakulti Perubatan UKM, 1993
- Pakar Klinikal Anestesiologi Hospital Kuala Lumpur 1992-93
- Pegawai Perubatan di Jabatan Anestesiologi, Hospital Tengku Ampuan Afzan, 1986-88

Pencapaian

- Anugerah Darjah Indera Mahkota Pahang (DIMP) oleh Sultan Pahang, 2011; Anugerah *Best Teacher Award* (2004); *Heart of Gold* oleh Censerve (2011); *IIUM Merdeka Award* (2012)



Bersama keluarga ketika bercuti di Makassar.